

12 OCT 1997

Siti Hasmah-Miskin

USAHA BANTU 56,000 LAGI KELUARGA MISKIN DI MALAYSIA DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Usaha akan diteruskan bagi membantu 56,000 lagi keluarga miskin di seluruh negara dengan bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan di seluruh negara.

Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Serantau mengenai Pembangunan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Asia Pasifik (RSC-AP) Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata Lembaga Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

Ini memandangkan hanya tinggal 56,000 keluarga miskin dan perhatian penuh akan diberikan supaya mereka dilepaskan dari belenggu kemiskinan, katanya.

Beliau berkata antara objektif mesyuarat yang akan bermula esok ialah bertukar-tukar pengalaman, pengetahuan serta kejayaan yang telah berlaku di kalangan negara-negara anggota.

"Objektif kedua ialah meningkatkan kesedaran dan komitmen terhadap mempromosikan program mikro kredit untuk mengurangkan kemiskinan di luar bandar khususnya wanita," katanya dalam rancangan Minggu Dunia terbitan Astro Ria malam ini.

Siti Hasmah yang juga isteri Perdana Menteri berkata Malaysia akan mengemukakan kejayaan program mikro kredit yang diperkenalkan oleh AIM pada perjumpaan itu supaya negara anggota lain boleh melaksanakan program itu di negara masing-masing.

Objektif ketiga, ialah untuk menggembelngkan sumber manusia dan maklumat pakar teknikal dan mengadakan perbincangan untuk menjalankan program mikrokredit dengan jayanya, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan mesyuarat enam hari itu yang akan dihadiri oleh 14 negara anggota.

Mereka yang mewakili negara masing-masing pada mesyuarat itu ialah Wanita Pertama Begum Kulsoom (Pakistan), Zohrah Khatami Sadeghi (Iran), Usha Narayanan (India), Vo Thi Le (Vietnam), Erenjavyn Shurentsetseg (Mongolia) dan Mairam Akaeva (Kyrgyzstan).

-- BERNAMA

HAK FAZ